

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

26 May 2017

## PERKEMBANGAN PASARAN DAN KAWAL SELIA

### *SKIM PENYELIDIKAN MODAL KECIL DAN SEDERHANA (MID S) TELAH DILANCARKAN PADA 25 MEI 2017 DENGAN TUJUAN MENINGKATKAN PROFIL SYARIKAT BERMODAL KECIL DAN SEDERHANA SERTA MERANCACKAN LAGI PERTUMBUHAN SEGMENT PASARAN BERPOTENSI TINGGI INI. KUMPULAN PERTAMA DI BAWAH SKIM INI IAITU 100 SYARIKAT TERSENARAI AWAM (PLC) BERMODAL KECIL DAN SEDERHANA AKAN MENERIMA LIPUTAN PENGANALISIS BEBAS OLEH FIRMA PENYELIDIKAN BERLESEN.*

Skim Penyelidikan Modal Kecil dan Sederhana (MidS) telah dilancarkan pada 25 Mei 2017 dengan tujuan meningkatkan profil syarikat bermodal kecil dan sederhana serta merancakkan lagi pertumbuhan segmen pasaran berpotensi tinggi ini. Kumpulan pertama di bawah Skim ini iaitu 100 syarikat tersenarai awam (PLC) bermodal kecil dan sederhana akan menerima liputan penganalisis bebas oleh firma penyelidikan berlesen.

Skim Penyelidikan MidS dicetuskan dengan objektif utama untuk mewujudkan pengiktirafan nilai yang lebih baik kepada syarikat bermodal kecil dan sederhana kerana syarikat-syarikat ini merupakan segmen penting dalam kelas aset ekuiti yang disenaraikan dalam pasaran modal secara keseluruhan.

Skim ini akan dimulakan dengan 22 syarikat penyelidikan yang sudah menyatakan komitmen untuk menyediakan liputan penyelidikan kepada PLC yang layak. Setiap PLC yang layak akan diberikan dua firma penyelidikan, seterusnya menambah baik penyebaran penyelidikan itu, termasuk kepada pelabur runcit, demi menarik lebih banyak penyertaan pelabur ke dalam segmen itu. PLC yang dipilih akan menjalani proses saringan yang merangkumi kriteria kualitatif dan kuantitatif serta mewakili permodalan pasaran dalam julat RM200 juta sehingga RM2 bilion.

Sebuah Pasukan Petugas yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang terdiri daripada wakil-wakil dari Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (MIBA) dan Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM), telah ditubuhkan untuk menyelia pelaksanaan Skim ini. Pasukan Petugas ini juga menyediakan hala tuju strategik untuk menggalakkan segmen pasaran modal kecil dan sederhana secara aktif.

Selain syor Pasukan Petugas tentang Skim Penyelidikan MidS, ada juga usaha lain yang sudah dimulakan untuk merangsang kerancakan selain memastikan kejayaan segmen berpertumbuhan tinggi ini. Demi mencapai tujuan ini, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan sudah pun membuat peruntukan tambahan untuk melabur dalam syarikat awam berhad bermodal kecil dan sederhana.

Di samping itu, dua indeks baharu iaitu Indeks Modal MidS Bursa Saham Financial Times (FTSE) dan Indeks Syariah Modal MidS Bursa Malaysia FTSE telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukur prestasi dan menarik lebih minat terhadap produk pasaran modal untuk segmen ini.

[Sumber: Siaran media di laman web Bursa Malaysia pada 25 Mei 2017]

---

## PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

### **MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD ("MRCB")**

Lembaga Pengarah MRCB mengumumkan mereka merancang untuk melaksanakan cadangan berikut:-

- a. Terbitan hak yang boleh dibatalkan sehingga 2,856,719,498 saham biasa baharu dalam MRCB ("Saham MRCB" atau "Saham") ("Saham Hak") bersama-sama dengan sehingga 571,343,900 waran boleh cerai percuma ("Waran Hak"), atas dasar satu (1) Saham Hak untuk setiap satu (1) saham MRCB yang dipegang dan satu (1) Hak Waran percuma bagi setiap lima (5) Saham Hak yang dilanggan, pada tarikh yang akan ditentukan kemudian ("Cadangan Terbitan Hak"); dan
- b. Pengecualian kepada Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Gapurna Sdn Bhd dan orang yang bertindak bersama mereka, daripada kewajiban untuk melaksanakan tawaran mandatori bagi Saham MRCB yang tinggal dan sekuriti boleh tukar yang belum dimiliki oleh mereka yang wujud daripada permohonan bagi lebih Saham Hak di bawah Cadangan Terbitan Hak serta pelaksanaan Waran Hak berikutnya kepada Saham MRCB baharu ("Pengecualian Cadangan").

[Sumber: Pengumuman MRCB di laman web Bursa Malaysia pada 17 Mei 2017]

### **KOMEN MSWG:**

Pemegang saham MRCB telah dikejutkan dengan panggilan tunai sekurang-kurangnya RM2.17 bilion yang mana sebahagian besar daripadanya akan digunakan untuk membaik pulih dan menaik taraf kemudahan yang terletak di Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dan untuk membayar balik pinjaman ("Penswastaan").

Walaupun kami tidak membantah penggunaan hasil terimaan untuk membayar balik pinjaman dengan tujuan menurunkan penggearan Kumpulan, kami berasa bimbang dengan pendahuluan RM975 juta yang diberikan kepada anak syarikat 85% milik MRCB Land Sdn Bhd ("MRCB Land") untuk pelaksanaan Penswastaan.

Berapakah kadar faedah yang dikenakan ke atas pendahuluan yang besar ini? Ada kebimbangan di pihak pemegang saham terhadap terbitan hak yang besar ini kerana ia menjadi beban kewangan yang besar. Kami berharap Lembaga Pengarah MRCB dapat memberikan penjelasan tentang perkara ini apabila mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk terbitan hak dalam EGM itu.

---

## TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 29 MEI - 2 JUN 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
---------------	----------	--------

29.05.17 (Isnin) 10.00 pagi	Naim Holdings Bhd (AGM)	Damai Beach Resort, Teluk Bandung Santubong, Kuching, Sarawak
29.05.17 (Isnin) 10.30 pagi	Hock Heng Stone Industries Bhd (AGM)	Ornaresort Berhad, Batu 16, Jalan Gapam, Ladang Gapam, Bemban, Jasin, Melaka
29.05.17 (Isnin) 12.00 tengah hari	Chin Teck Plantations Bhd (EGM)	Suite 2B-3A-3, Block 2B, Level 3A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral, Kuala Lumpur
30.05.17 (Selasa) 10.00 pagi	Genting Plantations Bhd (AGM)	Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur
30.05.17 (Selasa) 11.00 pagi	Tropicana Corporation Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, Petaling Jaya
30.05.17 (Selasa) 10.30 pagi	Negri Sembilan Oil Palms Bhd (AGM)	Suite 2B-3A-3, Block 2B, Level 3A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral, Kuala Lumpur
30.05.17 (Selasa) 02.30 petang	Bumi Armada Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, Kuala Lumpur
31.05.17 (Rabu) 10.00 pagi	Genting Malaysia Bhd (AGM)	Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur
31.05.17 (Rabu) 10.00 pagi	Green Packet Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, Petaling Jaya
31.05.17 (Rabu) 10.00 pagi	Hap Seng Consolidated Bhd (AGM)	Menara Hap Seng, Jalan P. Ramlee, Kuala Lumpur
31.05.17 (Rabu) 03.00 petang	YTL Land & Development Bhd (EGM)	JW Marriott Hotel Kuala Lumpur, 183, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur
01.06.17 (Khamis) 10.00 pagi	Genting Bhd (AGM)	Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur
01.06.17 (Khamis) 10.00 pagi	WCT Holdings Bhd (AGM)	Premiere Hotel, Bandar Bukit Tinggi, Jalan Langat, Klang
02.06.17 (Jumaat) 10.00 pagi	Olympia Industries Bhd (AGM)	Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre, Kuala Lumpur
02.06.17 (Jumaat) 03.00 petang	Manulife Holdings Bhd (AGM)	TPC Kuala Lumpur (dahulu dikenali sebagai Kuala Lumpur Golf & Country Club)

**Perkara penting untuk diajukan:**

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Naim Holdings Bhd (AGM)	<p>Bahagian Pembinaan mencatatkan kerugian berjumlah RM18.8 juta pada TK2016 berbanding RM12.6 juta pada TK2015.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk meningkatkan prestasi bahagian ini?</p>
Tropicana Corporation Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah mencapai jualan hartanah pembangunan sebanyak RM1.2 bilion dalam TK2016. Menurut Pandangan dan Maklumat Penting Kewangan, dengan jualan yang belum dibilkan berjumlah RM2.54 bilion serta pendekatan strategik untuk meneroka nilai 1,283 ekar tanah utama dengan potensi nilai pembangunan kasar melebihi RM50.0 bilion, Kumpulan dijangka berada di landasan yang betul untuk menjana pendapatan positif dalam TK2017.</p> <p>(a) Berapakah anggaran GDV projek yang akan dilancarkan pada TK2017?</p> <p>(b) Berapakah sasaran jualan Kumpulan bagi TK2017?</p>
Negri Sembilan Oil Palms Bhd (AGM)	<p>Walaupun harga buah segar bertandan (FFB), minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit (PK) mencatatkan peningkatan sebanyak 32%, 17% dan 43% pada TK2016 berbanding tahun sebelumnya, operasi perladangan</p>

	<p>kekal pada kedudukan kerugian (tidak termasuk pelarasan bukan operasi dan kerugian daripada kemerosotan nilai).</p> <p>a. Berapa peratus pendapatan kepada jumlah pendapatan daripada operasi perladangan dan jumlah jualan FFB, CPO dan PK untuk TK2016 dan TK2015?</p> <p>b. Berapakah harga FFB, CPO dan PK untuk operasi perladangan Syarikat bagi mencapai titik pulang modal?</p> <p>c. Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk memulihkan operasi ladang?</p>
Bumi Armada Bhd (AGM)	<p>Dua klien Syarikat di Nigeria, yang mewakili dua FPSO yang lebih kecil sedang menghadapi masalah kewangan dan menyebabkan pembayaran carter yang tidak teratur. Pihak pengurusan telah mendedikasikan sumber untuk berurusan dengan klien serta penasihat untuk menyelesaikan isu ini secepat mungkin.</p> <p>Berapakah jumlah yang terhutang oleh kedua-dua klien ini dan bolehkah Lembaga memberikan maklumat terkini tentang perkara itu?</p>
Genting Malaysia Bhd (AGM)	<p>Laporan Tahunan 2016 menyatakan Pelan Pelancongan Bersepadu Genting ("GITP") akan dibuka secara progresif bermula 2017.</p> <p>a. Bilakah jangkaan tarikh pembukaan taman tema Twentieth Century Fox World?</p> <p>b. Apakah yang menyebabkan kelewatan dalam pembukaan taman tema baharu yang dijadualkan dibuka pada 2016?</p>
Genting Bhd (AGM)	<p>Sila maklumkan para pemegang saham mengenai perkembangan syarikat bersekutu Kumpulan iaitu TauRx Pharmaceuticals Ptd ("TauRx").</p> <p>a. Ada beberapa berita media yang melaporkan percubaan klinikal TauRx fasa ketiga untuk ubat Alzheimer bersama-sama ubat lain tidak berjalan dengan baik tetapi berkesan kepada pesakit yang sudah dirawat dengan LMTX sahaja. Bolehkah Lembaga Pengarah berikan komen tentang berita ini?</p> <p>b. Adakah terdapat kebimbangan pelaburan Kumpulan dalam TauRx tertakluk pada risiko kemerosotan nilai jika LMTX gagal mendapat kelulusan daripada Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan ("FDA")?</p>
Manulife Holdings Bhd (AGM)	<p>Transformasi digital adalah penting untuk mengembangkan lagi capaian kepada sasaran segmen dan pasarannya. Memandangkan Syarikat menyatakan yang ia akan memulakan dan memberi tumpuan kepada bahagian ini untuk meningkatkan penjenamaan dan perniagaan yang berpotensi, berapakah anggaran bajet yang diperuntukkan bagi memulakan cabaran ini dalam tempoh 24 bulan akan datang?</p>

## **DRB-HICOM BERHAD ("DRB-HICOM")**

Lembaga Pengarah DRB-HICOM mengumumkan, pada 24 Mei 2017 syarikat itu telah menandatangani perjanjian awal berikut dengan Zhejiang Geely Holding Group Co., Ltd. ("Geely"):

- a. perjanjian awal yang mengikat ("Proton HOA"), untuk cadangan usaha sama antara Syarikat dan Geely berkenaan Proton Holdings Berhad ("Proton Holdings") yang melibatkan langganan saham baharu Proton Holdings, merangkumi 49.9% daripada modal saham berbayar Geely yang diperbesarkan ("Cadangan Usaha Sama"); dan
- b. perjanjian awal yang mengikat ("Lotus HOA"), untuk cadangan pelucutan hak oleh Syarikat sebanyak 100% daripada ekuiti tidak langsung dalam Lotus Advance Technologies Sdn. Bhd. ("Lotus Advance"), melalui anak syarikatnya, Proton Holdings, kepada Geely dan Etika Automotive (secara kolektif dirujuk sebagai "Pembeli") ("Cadangan Pelucutan Hak").

[Sumber: Pengumuman DRB-HICOM di laman web Bursa Malaysia pada 24 Mei 2017]

---

## **PERKEMBANGAN DAN BERITA DALAM NEGARA**

Malaysia's GDP expanded 5.6% in first quarter

<http://www.thesundaily.my/news/2017/05/19/malaysias-gdp-expanded-56-first-quarter>

Ann Joo, Yinson, 21 others added to SC's syariah-compliant list

<http://www.theedgemarkets.com/article/ann-joo-yinson-21-others-added-scs-syariahcompliant-list>

SC Sues Seven Individuals for Insider Trading

[https://www.sc.com.my/post\\_archive/sc-sues-seven-individuals-for-insider-trading/](https://www.sc.com.my/post_archive/sc-sues-seven-individuals-for-insider-trading/)

Former Directors Jailed Six Months for Misleading Financial Disclosures to SC

[https://www.sc.com.my/post\\_archive/former-directors-jailed-six-months-for-misleading-financial-disclosures-to-sc/](https://www.sc.com.my/post_archive/former-directors-jailed-six-months-for-misleading-financial-disclosures-to-sc/)

SC Charges Former Managing Director of Maxbiz for Insider Trading

[https://www.sc.com.my/post\\_archive/sc-charges-former-managing-director-of-maxbiz-for-insider-trading/](https://www.sc.com.my/post_archive/sc-charges-former-managing-director-of-maxbiz-for-insider-trading/)

Former Executive Chairman of Megan Media sentenced to 18 months jail for Submission of False Information

[https://www.sc.com.my/post\\_archive/former-executive-chairman-of-megan-media-sentenced-to-18-months-jail-for-submission-of-false-information/](https://www.sc.com.my/post_archive/former-executive-chairman-of-megan-media-sentenced-to-18-months-jail-for-submission-of-false-information/)

No decision yet on FGV LLA termination - Felda chairman

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/25/no-decision-yet-on-fgv-lla-termination---felda-chairman/>

BNM urges banks to lend more to new productive investments

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/25/bnm-urges-banks-to-lend-more-to-new-productive-investments/>

Seven Samchem shareholders seek removal of director

<http://www.thesundaily.my/news/2017/05/23/seven-samchem-shareholders-seek-removal-director>

April inflation eases to 4.4% as transport costs slide

<http://www.thesundaily.my/news/2017/05/18/april-inflation-eases-44-transport-costs-slide>

Perdana Petroleum eyes re-listing by mid-August

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/22/perdana-petroleum-eyes-re-listing-by-mid-august/>

Export value of rubber gloves up 26% in Q1

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/22/export-value-of-rubber-gloves-up-26-in-q1/>

---

## PERKEMBANGAN DAN BERITA LUAR NEGARA

OPEC, non-OPEC extend oil output cut by nine months to fight glut

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/26/opec-non-opec-extend-oil-output-cut-by-nine-months-to-fight-glu/>

China's rating cut exposes firms hooked on dollar bonds

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/26/chinas-rating-cut-exposes-firms-hooked-on-dollar-bonds/>

Global regulators expect deal soon on bank capital rules

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/25/global-regulators-expect-deal-soon-on-bank-capital-rules/>

Japan April exports rise again, trade surplus with US narrows

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/22/japan-april-exports-rise-again/>

Buffett's Berkshire set for 2018 growth, Greg Able seen as successor

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/22/buffetts-berkshire-hathaway-set-for-growth-through-2018/>

US jobless claims edge up; goods trade deficit widens

<http://www.theedgemarkets.com/article/us-jobless-claims-edge-goods-trade-deficit-widens>

China's Q2 GDP growth seen at around 6.8%

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/20/china-q2-gdp-growth-seen-at-around-6pt8pct/>

Japan passes law to tighten regulations on high-frequency trading

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/19/japan-passes-law-to-tighten-regulations-on-high-frequency-trading/>

Ex-CIMB banker admits insider trades in Singapore takeovers

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/26/ex-cimb-banker-admits-insider-trades-in-singapore-takeovers/>

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)  
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
- 

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*